

**PENERBITAN BUKU TEKS PENDIDIKAN ISLAM KETIDAKUPAYAAN
PENDENGARAN OLEH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA UNTUK
MURID BERKEPERLUAN KHAS DI MALAYSIA**

*(The Publication of Islamic Religion for Hearing Impaired by Dewan Bahasa dan Pustaka
for the Special Education Pupils)*

Mohd Riduwan bin Wahab, Zawinnajah binti Md Kaslan, Mazfarina binti Marzuki

Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.

Abstrak: Artikel ini membicarakan pengalaman Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam menerbitkan buku teks Pendidikan Islam untuk kegunaan murid yang mengalami ketidakupayaan pendengaran di sekolah rendah di Malaysia sejak tahun 2011. Buku teks ini diterbitkan sebagai medium utama untuk guru Pendidikan Islam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Penerbitan buku teks Pendidikan Islam Ketidakupayaan Pendengaran berbeza daripada buku teks Pendidikan Islam yang digunakan oleh murid aliran perdana. Beberapa elemen yang khusus dipersembahkan dalam penerbitan buku teks ini bagi memenuhi keperluan pembaca sasaran sesuai dengan kandungan yang terdapat dalam kurikulum Pendidikan Islam. Usaha ini merupakan salah satu tanggungjawab DBP sebagai penerbit di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meningkatkan tahap penguasaan pembelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan murid yang mengalami ketidakupayaan pendengaran. Golongan ini merupakan sebahagian daripada kelompok manusia yang tidak boleh dinafikan haknya sebagai muslim untuk memperoleh kesamarataan dalam arus pendidikan negara.

Kata Kunci: Pendidikan Khas; Pendidikan Islam; buku teks; ketidakupayaan pendengaran

Abstracts: This article talks of the experience by the Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) in publishing the Islamic Education Textbook for the hearing impaired pupils of Primary Schools in Malaysia; an effort done since 2011. This textbook is published as the main medium for the teachers to carry out the teaching and learning processes in the classroom. The publication of the Islamic Education for hearing impaired pupils is different from the normal pupils. Several specific elements were introduced in this textbook, as to fulfill the requirements for the targeted audiences and to be suited and appropriate to the content of Islamic Education in the Curriculum. This effort is seen as a responsibility of DBP as the publisher under the Ministry of Education Malaysia in improving the proficiency level of the subject among the targeted pupils. It is an undeniable fact that this group of hearing impaired pupils are part of the humanity and therefore should be given the same rights as other Muslim in order to gain the equality in the National Education.

Keywords: Special Education; Islamic Education; textbook; hearing impaired

PENGENALAN

Dasar Pendidikan Kebangsaan menetapkan bahawa murid berkeperluan khas (MBK) diberi peluang untuk mendapatkan akses kepada pendidikan yang sesuai dan relevan dengan kebolehan masing-masing supaya mereka dapat berdikari dan menjalani hidup yang berkualiti. Murid berkeperluan khas yang berpotensi pula diberi peluang untuk ditempatkan secara inklusif di dalam kelas arus perdana selaras dengan prinsip pendidikan untuk semua.

Atas dasar tersebut, pendidikan khas diperkenalkan bagi memenuhi keperluan pendidikan murid berkeperluan khas yang telah dikenal pasti mempunyai kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, masalah pembelajaran, kurang upaya fizikal dan kurang upaya pelbagai di peringkat prasekolah, rendah, menengah dan lepas menengah. Pendidikan ini dilaksanakan di sekolah pendidikan khas, Program Pendidikan Khas Integriti dan Program

Pendidikan Inklusif (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012).

Keprihatinan terhadap pendidikan khas ini termaktub dalam Bab 8 Akta Pendidikan 1996. Dalam bab ini dinyatakan bahawa “Menteri hendaklah mengadakan pendidikan khas di bawah perenggan 34(1)(b) atau di mana-mana sekolah rendah atau menengah yang difikirkan oleh Menteri suai manfaat”. Pendemokrasian pendidikan yang dijelmakan menerusi penyediaan peluang pendidikan kepada murid berkeperluan khas ini hasil Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.

LATAR BELAKANG

Dasar Pendidikan Kebangsaan menekankan keperluan untuk membentuk insan seimbang berteraskan kekuatan ilmu, iman dan amal berasaskan al-Quran dan al-Sunah dan berlandaskan Ahli Sunah Wal Jamaah aliran mazhab al-Syafie. Oleh itu setiap murid Islam

perlu dipastikan agar berpeluang mengikuti Pendidikan Islam yang berkualiti serta diwajibkan memahami, menguasai, menghayati dan mampu melaksanakan Perkara Asas Fardu Ain (PAFA). Selain itu, Dasar Pendidikan Kebangsaan menetapkan agar bahan bantu mengajar Pendidikan Islam disediakan dengan secukupnya, berkesan serta menepati keperluan dan perkembangan semasa (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012). Keperluan ini bukan hanya terhad kepada murid normal tetapi turut meliputi murid berkeperluan khas. Mereka merupakan sebahagian daripada kelompok manusia yang diciptakan untuk beribadah kepada Allah Taala sebagaimana yang dijelaskan menerusi firman Allah Taala:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

(Surah al-Zariyat, 51:56)

Tuntutan beribadah ini perlu ditunaikan sebagai penzahiran kepada janji yang telah dilafazkan sewaktu manusia berada di alam roh. Hal ini dirakamkan oleh Allah Taala dalam firman-Nya:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِن بَنِي آدَمَ مِن ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا بَلَىٰ ۗ شَهِدْنَا ۗ أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ

Maksudnya: Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firmanNya): "Bukankah Aku tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini".

(Surah al-A'raf, 7:172)

Oleh hal yang demikian, pelaksanaan Pendidikan Islam dalam kalangan murid berkeperluan khas (MBK) dapat membantu mereka menjadi hamba Allah yang melaksanakan tanggungjawab yang dituntut ini sebagaimana murid normal yang lain. Pendidikan yang disediakan ini dapat membentuk perkembangan rohani murid sebagai pelengkap kepada perkembangan dari sudut jasmani, emosi dan intelek sebagaimana yang dihasratkan menerusi Falsafah Pendidikan Negara. Tumpuan terhadap perkembangan rohani murid berkeperluan khas ini turut dijemakan dengan jelas

dalam pernyataan misi Bahagian Pendidikan Khas, sebuah bahagian di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertanggungjawab secara khusus terhadap pendidikan murid berkeperluan khas. Antara lain misi bahagian tersebut ialah membangunkan modal insan berkeperluan khas yang cemerlang berasaskan nilai-nilai murni sebagai warganegara yang bertanggungjawab. Oleh sebab itu, mereka bukan hanya berhak memperoleh pendidikan dalam bidang kemahiran yang membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan dan hidup berdikari, malah mempunyai hak untuk memperoleh ilmu yang berkaitan dengan agama Islam khususnya bagi yang beragama Islam. Dengan ini, potensi mereka sebagai hamba Allah yang bertanggungjawab dapat dioptimumkan.

Di Malaysia, murid berkeperluan khas yang beragama Islam mengikuti program j-QAF Pendidikan Khas berdasarkan modul yang dibina khusus untuk keperluan mereka seperti Modul Kaedah Iqra' untuk pengajaran dan pembelajaran al-Quran, Modul Amali Solat untuk pengajaran dan pembelajaran fardu ain dan Modul Pembelajaran Jawi. Ketetapan yang mewajibkan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam kepada semua murid termasuklah murid berkeperluan khas ini termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550 Seksyen 50 yang menjelaskan bahawa jika dalam institusi pendidikan terdapat lima orang atau lebih yang menganut agama Islam, murid-murid ini hendaklah diberi pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (Hamdi, Abd. Halim *et al.*, 2012).

Bagi menjayakan pendidikan kepada murid berkeperluan khas ini, aspek penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran perlu dititikberatkan. Menyedari hakikat ini, antara strategi yang digariskan dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan termasuklah menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi, terkini dan sesuai dengan keupayaan dan keperluan murid berkeperluan khas (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012). Bahan pengajaran dan pembelajaran yang terpenting ialah buku teks.

Penerbitan buku teks dan buku aktiviti untuk kegunaan pendidikan khas di Malaysia melibatkan tiga entiti utama di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Bahagian Buku Teks (BBT) dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebagai badan yang menggubal dan membangunkan kurikulum, BPK berperanan untuk membekalkan kurikulum standard sebagai panduan penulisan buku teks mengikut mata pelajaran. BBT pula berfungsi untuk menyelaraskan program penerbitan buku teks bagi kegunaan sekolah rendah dan menengah manakala DBP merupakan penerbit yang

melaksanakan proses penerbitan buku teks yang dipertanggungjawabkan oleh KPM menerusi BBT.

DBP mula terlibat dalam penerbitan buku teks pendidikan khas pada tahun 2010 apabila KPM melaksanakan dasar untuk membekalkan buku teks dan buku aktiviti pendidikan khas kepada murid di sekolah pendidikan khas dan sekolah integrasi. Pada tahun tersebut, DBP menerbitkan buku teks berjudul Kemahiran Asas Individu Masalah Penglihatan Tahun 1 bagi kegunaan murid ketidakupayaan penglihatan. Pada tahun 2011 pula, DBP menerbitkan buku teks mata

pelajaran Bahasa Isyarat Komunikasi dan Pendidikan Islam bagi kegunaan murid yang mengalami ketidakupayaan pendengaran. Mulai tahun 2012, DBP menerbitkan buku teks Tahap I dan II bagi kegunaan murid yang mempunyai masalah pembelajaran. Semua buku teks tersebut mula digunakan di sekolah mulai Januari 2013. Jumlah bilangan buku teks pendidikan khas yang diterbitkan oleh DBP mengikut tahun adalah seperti berikut:

BIL.	Jenis Buku Teks	Jumlah Judul Mengikut Tahun											
		2011		2012		2013		2014		2015		2016	
		Buku Teks	Buku Aktiviti	Buku Teks	Buku Aktiviti	Buku Teks	Buku Aktiviti	Buku Teks	Buku Aktiviti	Buku Teks	Buku Aktiviti	Buku Teks	Buku Aktiviti
1.	Buku Teks Masalah Penglihatan	1	-	1	-	1	-	1	-	1	-	1	-
2.	Buku Teks Ketidakupayaan Pendengaran	4	4	5	5	5	5	8	5	8	5	8	5
3.	Buku Teks Masalah Pembelajaran	-	-	8	21	12	6	8	7	8	7	8	7
	Jumlah	5	4	14	26	18	11	17	12	17	12	17	12
	Jumlah Keseluruhan	165											

Rajah 1: Bilangan Judul Buku Teks Pendidikan Khas yang Diterbitkan oleh DBP (2011–2016)

DBP sebagai badan berkanun di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia komited dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dalam menerbitkan buku teks dan buku aktiviti untuk pendidikan khas. Sumbangan DBP ini amat bermakna kepada proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan khas. DBP mencetak 1060 naskhah buku teks masalah pendengaran untuk setiap judul, 1060 naskhah buku teks masalah penglihatan dan 6400 naskhah buku teks masalah pembelajaran untuk setiap judul sahaja. Kos yang ditanggung oleh DBP bagi penerbitan setiap judul buku teks pula dianggarkan berjumlah RM300 000.00 manakala bagi buku aktiviti dianggarkan berjumlah RM150 000 yang meliputi kos pracetak, percetakan dan pagedaran.

DBP dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menerbitkan buku teks dan buku aktiviti khusus bagi keperluan murid berkeperluan khas sama ada di sekolah rendah atau di sekolah menengah yang meliputi beberapa mata pelajaran. Buku teks dan buku aktiviti yang diterbitkan bagi keperluan murid yang mengalami masalah pembelajaran di sekolah rendah adalah dalam mata pelajaran Matematik (Masalah Pembelajaran), Bahasa

Melayu (Masalah Pembelajaran), English (*Learning Disabilities*), Pendidikan Islam (Masalah Pembelajaran), Pendidikan Moral (Masalah Pembelajaran), Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (Masalah Pembelajaran), Pengurusan Kehidupan (Masalah Pembelajaran) dan Pendidikan Seni Kreatif (Masalah Pembelajaran). Buku teks dan buku aktiviti yang disediakan untuk murid yang mengalami ketidakupayaan pendengaran di sekolah rendah pula ialah Bahasa Isyarat Komunikasi (Ketidakupayaan Pendengaran), Pendidikan Islam (Ketidakupayaan Pendengaran), Bahasa Melayu (Ketidakupayaan Pendengaran), dan English (*Hearing Impaired*). Selain itu, buku teks turut diterbitkan untuk murid yang mengalami ketidakupayaan penglihatan menerusi mata pelajaran Kemahiran Asas Individu Ketidakupayaan Penglihatan. Untuk kegunaan murid berkeperluan khas yang belajar di sekolah menengah pula, buku teks Bahasa Melayu Komunikasi (Masalah Pembelajaran), Pendidikan Islam (Masalah Pembelajaran) dan Pendidikan Moral (Masalah Pembelajaran) diterbitkan.

PENYATAAN MASALAH

Gargiulo (2003) menjelaskan bahawa pendidikan khas ialah program pengajaran khusus yang direka bentuk khusus bagi memenuhi keperluan murid luar biasa yang memerlukan penggunaan peralatan dan kaedah pengajaran yang khusus. Dalam konteks Falsafah Pendidikan Khas di Malaysia, pendidikan khas didefinisikan sebagai suatu usaha yang berterusan bagi menggalakkan perkembangan optimum seseorang sebagai individu yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sebagai individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Jabatan Pendidikan Khas, 2005).

Bagi menggalakkan perkembangan optimum kanak-kanak berkeperluan khas ini, pengubahsuaian terhadap kurikulum dan kaedah mengajar perlu dilakukan (Heward, 2003).

Berdasarkan pandangan tersebut, penelitian terhadap elemen yang terdapat dalam buku teks yang digunakan oleh murid berkeperluan khas ini perlu dibuat. Aspek penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi, terkini dan sesuai dengan keupayaan dan keperluan murid berkeperluan khas perlu diberi perhatian bagi memastikan pendidikan kepada golongan ini dapat disampaikan dengan berkesan (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012). Bahan pengajaran dan pembelajaran yang terpenting ialah buku teks. Buku teks merupakan sumber rujukan utama guru dan murid di dalam kelas, yang menjadi antara bahan terpenting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana kandungannya meliputi fakta,

maklumat dan tajuk-tajuk yang menghurai dan memperincikan sukatan mata pelajaran dalam kurikulum (Leslie 2005).

Dalam kajian ini, tumpuan khusus akan diberikan pada buku teks Pendidikan Islam Ketidakupayaan Pendengaran yang diterbitkan untuk kegunaan murid yang mengalami ketidakupayaan pendengaran di sekolah rendah. Ketidakupayaan pendengaran boleh ditakrifkan sebagai orang pekak. Dalam *Kamus Dewan* Edisi Keempat, pekak bermaksud orang yang tidak dapat mendengar langsung atau orang yang tidak dapat mendengar dengan baik. Dalam *al-Mu'jam al-Wasit*, pekak bermaksud hilang daya pendengaran.

Dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685), orang pekak didefinisikan pula sebagai anggota masyarakat yang berhak mendapat layanan dan hak sama rata, sama dengan insan normal yang lain. Hak

sama rata itu meliputi perlindungan, pendidikan, kemudahan dan kebajikan. Atas dasar itu, keperluan untuk mendapatkan buku teks yang bersesuaian merupakan satu daripada hak mereka yang tidak dapat dinafikan.

Menurut statistik yang dicatatkan bagi tahun 2014, terdapat 3049 orang murid dalam kategori ketidakupayaan pendengaran yang menerima pendidikan secara formal di Malaysia, iaitu 116 orang di peringkat prasekolah, 1529 orang di peringkat rendah dan 1404 orang di peringkat menengah. Mereka ditempatkan di 311 buah kelas di sekolah pendidikan khas, iaitu 23 buah kelas di peringkat prasekolah, 238 buah kelas di peringkat rendah dan 50 buah kelas di peringkat menengah. Sebahagian daripada mereka ada juga yang ditempatkan di 354 buah kelas dalam Program Pendidikan Khas Integrasi, iaitu sebuah kelas di peringkat prasekolah, 150 buah kelas di sekolah rendah, dan 203 buah kelas di sekolah menengah (Bahagian Pendidikan Khas, 2014).

Meskipun jumlah ini kecil jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan murid yang sedang mengikuti sistem pendidikan pada tahun berkenaan, hak mereka untuk mendapat pendidikan tidak boleh dinafikan. Mereka juga berhak untuk mendapatkan buku teks yang berkualiti dan memenuhi keperluan pembelajaran mereka. Terdapat banyak kajian terkini yang menyatakan bahawa pengajaran berasaskan bahan lain seperti laman web, tayangan filem atau video dan komputer dapat menarik minat murid belajar seperti yang dijalankan oleh Abdul Muhaimin (2004), Rosnani (2005), Rahimah (2006), Nor Rasimah (2007), Siti Jamilah (2010) dan Ab. Halim Tamuri *et al.* (2011).

Oleh hal yang demikian, sejauh manakah buku teks sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran konvensional mampu kekal relevan sebagai bahan asas yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di seluruh negara? Dapatkah elemen multimedia yang menggabungkan animasi, audio, video dan grafik ini diintegrasikan dalam penerbitan buku teks supaya murid berkeperluan khas dapat belajar dengan lebih berkesan? Hal ini sejajar dengan kajian Tileston (2005) terhadap otak yang mendapati hanya 20 peratus murid yang belajar melalui pendengaran manakala 80 peratus lagi menerusi penglihatan dan visual. Bagi murid yang mengalami ketidakupayaan pendengaran, elemen penglihatan dan visual sewajarnya dioptimumkan penggunaannya dalam penerbitan buku teks. Gabungan pelbagai strategi, pendekatan, kaedah dan teknik dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran juga merupakan elemen penting untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan (Abdul Rauf, 1998) kerana murid ketidakupayaan pendengaran berhadapan dengan masalah komunikasi, sosial dan akademik. Sejujukan manakah elemen kepelbagaian ini dapat

diterapkan dalam buku teks yang menjadi sumber asas pengajaran dan pembelajaran dalam kelas?

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mendedahkan elemen khusus yang dipersembahkan dalam buku teks Pendidikan Islam Ketidakupayaan Pendengaran terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang digunakan di sekolah rendah. Elemen khusus ini penting bagi memastikan buku teks yang disediakan dapat memenuhi keperluan murid yang mengalami ketidakupayaan pendengaran sebagai pembaca sasaran. Kajian ini juga mengetengahkan penambahbaikan yang dilakukan dalam buku teks yang disediakan untuk keperluan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas Edisi Semakan berbanding dengan buku teks sebelum itu yang diterbitkan untuk Kurikulum Standard Sekolah Rendah.

TINJAUAN PERSURATAN

Terdapat kajian sebelum ini yang cuba mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam ketika mengendalikan pengajaran dan pembelajaran kepada murid ketidakupayaan pendengaran sebagaimana yang dikaji oleh Mohd Huzairi Awang et al. (2012). Antara dapatan kajian tersebut yang diperoleh menerusi temu bual dengan guru yang mengajarkan mata pelajaran Pendidikan Islam adalah berkaitan tentang buku teks yang tidak

dapat digunakan kerana diterbitkan dalam versi tulisan Jawi. Memandangkan buku teks tersebut merupakan buku teks yang digunakan di sekolah aliran perdana untuk murid normal, guru sukar untuk mengolah kandungannya untuk keperluan murid berkeperluan khas yang diajarnya. Oleh sebab itu, guru mengambil pendekatan untuk tidak menggunakan buku teks yang dibekalkan ini tetapi lebih cenderung menggunakan bahan bantu yang lain, seperti nota bagi menerangkan kandungan pelajaran. Kebergantungan murid terhadap nota yang disediakan oleh guru ini menjadikan sumber pembacaan murid terhad dan maklumat yang disampaikan hanya berlegar di sekitar pengajaran dalam kelas.

Selain itu, ada beberapa kajian yang menyatakan bahawa terdapat elemen khusus yang dapat menarik minat golongan ketidakupayaan pendengaran ini untuk belajar. Antaranya termasuklah kajian yang dilakukan oleh Satiah (2009), yang mendapati bahawa penggunaan alat bantu mengajar seperti fotografi, grafik, gambar rajah dan lain-lain amat diperlukan bagi meningkatkan keupayaan pembelajaran murid ketidakupayaan pendengaran dan juga untuk memotivasikan mereka ke arah pembelajaran yang positif. Imej visual juga merupakan sumber budaya

yang melibatkan semua bidang ilmu yang boleh digunakan sebagai alat untuk meningkatkan kemahiran berfikir kanak-kanak (Lebedeff, 2010). Dapatan kajian Felder dan Solomon (2013) pula berjaya membuktikan bahawa maklumat paling berkesan diserap apabila kanak-kanak cacat pendengaran melihat sesuatu sebagai contoh gambar, gambar rajah, filem, video dan demonstrasi.

Daripada kajian persuratan ini, pengkaji terdorong untuk mengkaji elemen yang terdapat dalam buku teks terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan menjadikan buku teks Pendidikan Islam Ketidakupayaan Pendengaran yang digunakan di sekolah rendah pendidikan khas sebagai sampel kajian. Kajian ini cuba meneliti sejauh mana elemen yang dapat menarik minat golongan ketidakupayaan pendengaran sebagaimana yang dinyatakan dalam kajian terdahulu ini dapat diterapkan dalam penerbitan buku teks yang menjadi bahan asas pengajaran dan pembelajaran dalam kelas.

METODOLOGI

Kajian deskriptif ini dibuat berdasarkan analisis kandungan terhadap persembahan yang terdapat dalam buku teks Pendidikan Islam Ketidakupayaan Pendengaran terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang digunakan di sekolah rendah. Penilaian terhadap buku teks ini penting sebagai output yang terhasil daripada proses penerbitan yang melibatkan penulis, editor, ahli jawatankuasa peningkatan mutu, pereka bentuk dan ilustrator. Selain itu, kajian ini dilaksanakan berasaskan pengalaman editor yang terlibat dalam proses penerbitan buku teks tersebut sebagai sumber primari terutama untuk mendapatkan maklumat tentang kaedah penciptaan kod tangan yang digunakan dalam buku tersebut bagi sesetengah istilah atau perkataan yang tidak terdapat dalam mana-mana rujukan kod tangan. Temu bual juga dilakukan kepada guru yang menggunakan buku teks tersebut di sekolah bagi menilai kebolehgunaan dan keberkesannya sebagai bahan bantu dalam pengajaran dan pembelajaran.

DAPATAN/ ANALISIS

Buku teks Pendidikan Islam Ketidakupayaan Pendengaran terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka diterbitkan untuk memenuhi keperluan murid yang mengalami ketidakupayaan pendengaran dalam mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam sebagaimana yang diajarkan kepada murid normal. Buku teks ini disediakan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas Pendidikan Islam (Ketidakupayaan Pendengaran) yang memberi fokus kepada penyampaian ilmu, kemahiran dan

penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunah bagi melahirkan murid yang beriman, berilmu, berakhlak mulia, bertakwa dan beramal soleh. Menerusi mata pelajaran Pendidikan Islam (Ketidakupayaan Pendengaran), murid diberi pendedahan tentang ilmu pengetahuan, kemahiran serta nilai yang merangkumi aspek keimanan, kemanusiaan dan ketatanegaraan. Mata pelajaran ini mencakupi bidang al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi. Matlamat kurikulum ini adalah untuk melahirkan murid yang mengalami ketidakupayaan pendengaran yang menghormati diri dan orang lain, berilmu, beramal, berketerampilan dan berakhlak mulia serta menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara.

Bersesuaian dengan kurikulum yang dibentuk secara fleksibel ini dan bertepatan dengan pernyataan Akta Pendidikan 1996, Bab 8 Pendidikan Khas, Seksyen 41, Subseksyen (1)(b) Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, 8(1)(c) yang menggariskan “guru-guru boleh mengubahsuai kaedah atau teknik pengajaran atau pembelajaran, masa bagi aktiviti dan susunan aktiviti, mata pelajaran dan bahan bantu mengajar bagi mencapai tujuan dan matlamat pendidikan khas”, buku teks ini disediakan mengikut keperluan khusus pembaca sasaran, iaitu murid yang mengalami ketidakupayaan pendengaran. Dengan mengambil kira keperluan tersebut, buku teks ini diolah dan dipersembahkan bagi memenuhi objektif khusus mata pelajaran ini, iaitu:

1. Mengenal huruf hijaiyyah dan membaca (secara isyarat) surah-surah terpilih daripada al-Quran dengan betul untuk memupuk minat membaca al-Quran dan mengamalkan pembacaannya dalam kehidupan seharian.
2. Memahami dan meyakini asas-asas akidah sebagai pegangan dan benteng dalam kehidupan harian serta asas dalam tindakan.
3. Memahami dan mengamalkan asas ibadah sebagai memenuhi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah.
4. Memahami dan mengambil iktibar daripada sirah Rasulullah SAW bagi menanam rasa kecintaan kepada baginda.
5. Merumus dan mengamalkan tuntutan hadis serta menghayati kepentingannya dalam kehidupan harian.
6. Memahami, mengamalkan dan menghayati nilai-nilai akhlak dalam kehidupan seharian.
7. Membaca dan menulis tulisan jawi serta mencintainya sebagai warisan budaya bangsa.

Dari segi fizikal, buku teks ini dibahagikan mengikut bidang yang dicakupi oleh mata pelajaran Pendidikan Islam, iaitu bidang al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi. Setiap bidang

dibahagikan pula kepada beberapa pelajaran mengikut standard kandungan yang ditetapkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran untuk mata pelajaran Pendidikan Islam (Ketidakupayaan Pendengaran) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penggunaan Ilustrasi Kod Tangan

Secara umumnya, teks yang digunakan dalam buku teks ini dibantu dengan kod tangan yang disediakan berdasarkan rujukan yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan buku panduan yang digunakan oleh guru pendidikan khas secara meluas di sekolah, iaitu:

1. Bahasa Melayu Kod Tangan (BMKT) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
2. Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM)
3. Bahasa Melayu Kod Tangan Pendidikan Islam
4. Bahasa Isyarat Malaysia (BIM)

Dalam bidang al-Quran, murid pada tahun 1 diperkenalkan dengan kod tangan huruf hijaiyyah sebagai persediaan awal untuk mereka memahami pelajaran yang seterusnya. Kefahaman terhadap kod tangan ini penting untuk mereka mengenal dan membaca al-Quran menggunakan kaedah kod tangan. Murid didedahkan terlebih dahulu dengan kod huruf hijaiyyah yang diaplikasikan daripada huruf roman yang telah ditransliterasikan. Contohnya, huruf a untuk alif, b untuk ba, t untuk ta dan s untuk tha. Walau bagaimanapun, kod huruf tersebut perlu dibuat dengan gerakan tangan bentuk huruf hijaiyyah tersebut.

Setelah mahir, murid akan diperkenalkan pula dengan baris satu dan baris dua (tanwin), tanda sukun dan syaddah dengan penggunaan warna yang berbeza. Kemudian, murid akan didedahkan dengan kod huruf pada kalimah dan potongan ayat sebagai usaha untuk memahirkan murid membaca al-Quran secara isyarat. Kaedah ini juga digunakan untuk membaca hadis dan bacaan lain yang berbaris seperti bacaan solat dan doa.

Untuk bidang al-Quran dan hadis, buku teks ini menggunakan kaedah FAKIH. Kaedah ini telah diinovasikan oleh seorang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Temerloh Jaya, iaitu Puan Noraziah binti Daud. FAKIH merupakan akronim daripada gabungan huruf-huruf, iaitu F untuk faham, A untuk al-Quran, K untuk Kehidupan, I untuk Insy Allah dan H untuk Hebat. Oleh itu, FAKIH bermaksud, Faham al-Quran, Kehidupan Insy Allah Hebat. Slogan ini juga memberikan semangat baharu yang jitu kepada guru serta murid yang mengalami ketidakupayaan

pendengaran untuk mempelajari al-Quran dengan bersungguh-sungguh. Kaedah ini membantu murid membaca al-Quran dengan menggunakan kod huruf, penggunaan warna dan teknik penomboran pada setiap potongan ayat.

Namun begitu, ada kod tangan yang tidak terdapat dalam keempat-empat rujukan kod tangan tersebut terutamanya bagi istilah yang berkaitan dengan agama Islam. Oleh sebab itu, penulis perlu mencipta kod tangan yang baharu sekiranya terdapat perkataan yang belum lagi mempunyai kod tangan. Penciptaan kod ini dilaksanakan setelah penulis membuat rujukan dalam Bahasa Melayu Kod Tangan atau rujukan lain yang berkaitan. Pendekatan yang diambil oleh penulis untuk mencipta kod tangan ini adalah dengan menyesuaikan kod tangan perkataan yang baharu dengan kod tangan sedia ada. Contohnya:

“Madinah” diambil daripada kod bandar tetapi ditukar kepada huruf d

“Daulat” diambil daripada kod mahkota tetapi ditukar kepada huruf d

“Diplomatik” diambil daripada kod politik tetapi ditukar kepada huruf d

“Palestin” diambil daripada kod tempat tetapi ditukar kepada huruf p

“Aqabah” diambil daripada kod tempat tetapi ditukar kepada huruf a dan q

Di samping itu, terdapat juga kod tangan yang dicipta dengan merujuk Kamus Kod Tangan Bahasa Inggeris seperti perkataan burger dan strawberi.

Penggunaan Tulisan Rumi

Secara umumnya, buku teks ini ditulis dalam tulisan Rumi bagi memudahkan murid membaca dan memahami kandungan pelajaran. Walau bagaimanapun, penggunaan tulisan Jawi atau bahasa Arab masih dikekalkan terutamanya dalam bidang al-Quran dan Jawi serta beberapa teks bacaan dalam bahasa Arab yang terdapat dalam bidang-bidang tertentu contohnya bacaan dalam solat dalam bidang Ibadah. Hal ini untuk memberikan pendedahan kepada murid ketidakupayaan pendengaran dan buku teks Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas Edisi Semakan yang mula digunakan di sekolah pada tahun 2017.

Penggunaan Imej Visual pada Halaman Rangsangan

Halaman rangsangan yang berkaitan dengan kandungan pelajaran dipersembahkan dalam bentuk imej visual sebagai set induksi sebelum memulakan

sesuatu pelajaran dengan penggunaan teks yang minimum untuk menarik minat murid mengikuti pelajaran yang akan disampaikan. Kaedah ini sangat sesuai untuk pembelajaran murid pendidikan khas terutamanya ketidakupayaan pendengaran kerana mereka lebih berminat dengan imej visual, penggunaan warna yang bersesuaian dan teks yang minimum. Hal ini dapat dibuktikan menerusi hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh Omardin (1999) dan Jamila (2006) yang mendapati bahawa penggunaan imej visual sebagai alat bantuan mengajar sangat membantu dalam menyelesaikan banyak masalah berkaitan proses komunikasi. Hal ini disokong oleh kajian Mustaffa Halabi (2011) yang turut menunjukkan bahawa perhatian murid lebih cenderung kepada imej dan ilustrasi. Bahan teks sukar untuk difahami tanpa imej. Untuk menghasilkan bahan bantu mengajar yang baik bagi keperluan murid ketidakupayaan pendengaran, terdapat beberapa perkara asas yang perlu diterapkan, iaitu penggunaan warna, pergerakan, contoh, proses, jelas, mudah, bahasa isyarat, ungkapan dan imej agar proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan, bermaklumat, menarik dan menyeronokkan (Aidah Alias et al., 2016).

Kepelbagaian Aktiviti sebagai Pengukuhan

Semua kandungan pelajaran yang diolah dalam bentuk aktiviti yang pelbagai, sama ada dilakukan secara individu atau kumpulan diletakkan di akhir setiap pelajaran. Aktiviti ini biasanya berbentuk *hands on* dan permainan. Aktiviti ini berperanan untuk mengukuhkan kefahaman murid tentang pelajaran kerana teknik pengulangan dalam bentuk persembahan yang berbeza ini dapat meneguhkan kefahaman mereka. Aktiviti ini juga bertujuan untuk memupuk kerja sepasukan dan semangat setia kawan dalam kalangan mereka yang merupakan satu daripada Kemahiran Abad Ke-21 yang perlu dimiliki oleh murid sebagaimana yang dihasratkan oleh Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas. Selain itu, aktiviti ini dapat menguji kefahaman murid tentang sesuatu tajuk. Penerapan pendekatan pembelajaran pengalaman berdasarkan kesediaan dan keupayaan murid berkeperluan khas turut diterapkan dalam aktiviti yang dipersembahkan ini bagi meningkatkan arah sendiri individu. Menerusi pendekatan ini, murid dijelaskan tentang peranan dan tugas mereka dalam aktiviti tersebut dan guru mengaitkan pembelajaran yang baharu dengan kehidupan sebenar murid.

Penggunaan Audio Visual dalam Kod QR

Untuk buku teks Pendidikan Islam Ketidakupayaan Pendengaran Tahun 1 terbitan tahun 2016, Dewan Bahasa dan Pustaka memperkenalkan

penggunaan elemen audio visual yang dapat disaksikan apabila pembaca mengimbas kod QR yang disediakan pada halaman tertentu. Elemen audio visual ini digunakan dalam bidang yang memerlukan tunjuk cara seperti dalam bidang Ibadah, contohnya untuk menerangkan perlakuan dalam solat dan wuduk. Penggunaan teknologi ini merupakan satu daripada ciri penambahbaikan yang ditonjolkan dalam penerbitan buku teks Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas Edisi Semakan yang mula digunakan di sekolah pada tahun 2017.

PERBINCANGAN

Buku teks untuk murid ketidakupayaan pendengaran yang diterbitkan oleh DBP ini dapat mengisi lompong yang wujud sebelum ini dalam penyediaan bahan bantu mengajar. Guru dapat menjadikan buku teks ini sebagai panduan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas yang sesuai dengan kehendak Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran yang telah dibina oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sebelum wujudnya buku teks Pendidikan Islam Ketidakupayaan Pendengaran, guru terpaksa menggunakan buku teks yang digunakan oleh murid normal di aliran perdana. Buku teks aliran perdana ini perlu diubah suai mengikut tahap kemampuan murid ketidakupayaan pendengaran dan hal ini bergantung sepenuhnya kepada kreativiti guru. Namun begitu, tidak semua guru mampu mengolah dan mengubah suai buku teks tersebut mengikut keperluan murid ketidakupayaan pendengaran kerana kemampuan guru berbeza-beza.

Penggunaan kod tangan dapat diselaraskan di semua sekolah terutamanya bagi kod tangan yang berkaitan dengan istilah agama. Guru juga dapat menjadikan buku teks ini sebagai daftar rujukan kod tangan terutama bagi istilah yang masih belum ada kod tangan. Dengan adanya buku teks ini, guru sekurang-kurangnya dapat mengaplikasikan aktiviti yang dicadangkan dan menggunakan kod tangan dalam buku teks ini.

Penggunaan buku teks aliran perdana yang diterbitkan dalam tulisan Jawi juga menyukarkan murid berkeperluan khas untuk memahami dan menguasai sesuatu tajuk. Penguasaan kemahiran membaca tulisan Jawi yang lemah dikenal pasti sebagai satu daripada faktor penghalang kepada murid untuk memahami kandungan pelajaran. Hal ini lambat laun akan mengurangkan tahap minat mereka terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam, yang juga bukan mata pelajaran teras dalam peperiksaan.

Buku teks Pendidikan Islam (Ketidakupayaan Pendengaran) ini dapat membantu murid khususnya dan ibu bapa amnya memahami pengetahuan asas dalam agama Islam. Murid ketidakupayaan pendengaran juga mampu membaca al-Quran dengan kaedah yang mudah dan menarik. Mereka juga berpeluang untuk mengamalkan perkara fardu ain dalam kehidupan harian seperti solat dan puasa seperti murid normal.

Untuk memastikan tanggungjawab sosial ini terlaksana dengan jayanya, Dewan Bahasa dan Pustaka melantik penulis dalam kalangan guru yang berwibawa. DBP seterusnya melantik Ahli Jawatankuasa Peningkatan Mutu yang berkaliber dari pelbagai tahap akademik dan kepakaran, yang terdiri daripada guru mata pelajaran, guru cemerlang, jurulatih utama, pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) atau universiti dan berpengalaman dalam pendidikan murid ketidakupayaan pendengaran. Ahli Jawatankuasa Peningkatan Mutu dilantik untuk membantu meningkatkan tahap kualiti penulisan dengan melihat dari pelbagai aspek seperti kandungan, persembahan, bahasa, ilustrasi, bahan grafik dan nilai.

Kesediaan guru yang terlibat dalam pendidikan murid ketidakupayaan pendengaran untuk menulis buku teks ini perlu diberikan pujian meskipun terdapat kebimbangan tentang kemampuan mereka pada peringkat awal. Kesedaran tentang peri pentingnya buku teks khusus untuk murid ketidakupayaan pendengaran ini menyuntik semangat dan mendorong penulis untuk menghasilkannya dengan baik di samping motivasi daripada editor yang menguruskan judul yang berkenaan.

Kekurangan bahan rujukan tentang aspek pendekatan dan persembahan juga memberikan cabaran kepada DBP dalam penerbitan buku teks ketidakupayaan pendengaran. Contohnya dalam penerbitan buku teks ini, penerbit sukar untuk menentukan kod tangan yang standard untuk diguna pakai dalam sistem pendidikan di Malaysia. Hal ini demikian kerana untuk tujuan penerbitan buku teks, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mencadangkan kepada penerbit supaya menggunakan buku Bahasa Melayu Kod Tangan terbitan DBP pada tahun 1998. Dalam masa yang sama, terdapat juga buku kod tangan lain seperti kod tangan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) yang diterbitkan oleh penerbit lain yang meluas penggunaannya dalam kalangan guru dan murid masalah pendengaran.

Penerbit juga berhadapan dengan masalah dalam usaha menentukan penggunaan kod tangan yang sesuai bagi buku teks ini apabila ada pihak yang enggan menggunakan sesetengah kod tangan yang dikatakan kurang tepat. Permasalahan ini timbul disebabkan oleh kod tangan dalam buku Bahasa Melayu Kod Tangan

terbitan DBP tidak dikemas kini sejak diterbitkan pada tahun 1998. Contohnya, isyarat kod tangan bagi hakim. Isyarat kod tangan yang digunakan berdasarkan rambutan hakim. Bagi kebanyakan pengguna, isyarat tangan hakim memegang tukul untuk mengetuk meja lebih difahami. Terdapat juga perbezaan kod antara Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dengan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dalam mentafsirkan sesetengah perkataan. Isunya ialah bahasa isyarat rasmi di sekolah ialah KTBM manakala untuk penggunaan biasa kod BIM digunakan. Bagi menyelesaikan permasalahan ini, DBP menyerahkan aspek penentuan yang berkaitan dengan pemilihan kod tangan dalam penerbitan buku teks ini kepada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selain itu, kewajaran tertentu dalam penyediaan ilustrasi dan grafik bagi buku teks pendidikan khas juga perlu diambil kira sesuai dengan keperluan murid ketidakupayaan pendengaran. Ilustrasi kod tangan yang dilukis dalam buku teks perlu tepat, berfungsi dan tidak terlalu padat. Dalam hal ini, pereka bentuk dan ilustrator yang menangani buku teks ketidakupayaan pendengaran perlu berhati-hati ketika menyediakan ilustrasi dan mereka bentuk buku teks ini.

Kajian terhadap kebolehbacaan buku teks pendidikan khas juga masih kurang diterokai. Oleh itu, antara kajian lanjutan yang penting untuk dilakukan terhadap buku teks ini ialah kajian tentang tahap kebolehbacaannya kepada murid berkeperluan khas. Hal ini penting kerana sesebuah buku teks yang dapat dibaca dan difahami dengan baik mampu berfungsi sebagai alat pengajaran yang paling berkesan (Coleman 1962). Kebolehbacaan menilai tahap senang atau sukar sesuatu teks yang hendak difahami oleh pembaca tertentu yang membaca teks tertentu bagi tujuan tertentu (Kamarulzaman, 2009). Oleh itu, buku teks yang diterbitkan seharusnya sesuai untuk pembaca sasaran, dan dalam konteks ini murid berkeperluan khas supaya bahan bantu mengajar ini dapat menarik minat dan motivasi mereka untuk terus menggunakannya (Marohaini 1999). Tahap kebolehbacaan buku teks yang digunakan perlu sesuai dengan kebolehan membaca dan pengetahuan sedia ada murid serta menampilkan persembahan kandungan yang baik agar dapat menarik minat dan motivasi murid (Klare 1969).

KESIMPULAN

Penyelidikan ini masih di peringkat penerokaan khususnya dalam Pendidikan Islam Ketidakupayaan Pendengaran. Masih banyak ruang yang boleh diterokai terutamanya yang berkaitan dengan keperluan murid ketidakupayaan pendengaran yang khusus sifatnya. Meskipun begitu, dapatan kajian berjaya menemukan beberapa kekuatan dalam buku teks Pendidikan Islam

Ketidakupayaan Pendengaran yang boleh dijadikan panduan kepada penerbit yang ingin menceburi bidang penerbitan buku teks Pendidikan Khas. Dalam masa yang sama, kajian penambahbaikan yang berterusan masih perlu dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bagi menilai kebolehgunaan buku teks yang diterbitkan agar terus relevan sebagai bahan bantu mengajar yang utama dan sentiasa bertepatan dengan cita rasa pembaca sasaran yang pelbagai. Penyediaan buku teks yang memenuhi keperluan murid sebagai pembaca sasaran penting bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan sekali gus menjamin kelangsungan buku teks sebagai bahan sumber asas utama lebih-lebih lagi dalam arus ledakan teknologi maklumat dan komunikasi yang menawarkan pelbagai media alternatif sebagai bahan pengganti.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, 2011. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah bin Yusof, 2014. *Memahami Komunikasi Orang Pekak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Muhaimin Osman, 2004. *Pembangunan Modul Elektronik Berasaskan Laman Web Belajar Mengenai Micromedia Fireworks mx*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd Munir Ismail, 2014. *Dakwah Islam dan Orang Pekak*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Akta Orang Kurang Upaya. 2008. (Akta 685)
- Akta Pendidikan. 1996. (Akta 550).
- Anita Mohyee, Nor Aziah Daud dan Mohd Ayub Hamzah, 2016. *Pendidikan Islam (Ketidakupayaan Pendengaran) Tahun 1*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid & Safani Bari, 2012. *Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran)*. Jurnal of Islamik and Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012.
- Hamdi Ishak, 2010. *Pekak dan Bisu Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Jawatankuasa Kerja Komunikasi Seluruh, 1985. *Bahasa Malaysia Kod Tangan Jilid 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kamarulzaman, Hassan Basri & Nik Mohd Rahimi, 2009. Penggunaan ujian kloz Dalam Mengukur Kebolehbacaan Teks Arab Untuk Pembaca Bukan Arab Di Malaysia: Satu Kajian Rintis. *Journal Of Islamic And Arabic Education 1* (2):15 – 29.
- Klare, G.R., 1969. *The Measurement Of Readability*. Iowa : Iowa State University Press.
- Lebedeff, T. B., 2010. *The value of visual literacy practices in the education of deaf students: The experience of deaf teachers*. Dicapai pada 9 Disember 2013 dari
- Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. *Data Pendidikan Khas*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam Ketidakupayaan Pendengaran Tahun 1*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia..
- Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia.1998. *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*.
- Marohaini Yusoff, 1999. *Strategi Pengajaran Bacaan Dan Kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
-
- Mohd Huzairi Awang, Hajarul Bahti Zakaria, Rahimin Affandi Abd Rahim, 2012. *Pendidikan Islam Golongan Masalah Pendengaran: Tinjauan Awal Isu dan Cabaran daripada Perspektif Guru*. Jurnal Teknologi. 2012.
- Mohd Mokhtar Tahar & Aliza Alias, 2003. Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Pelajar Berkeperluan Khas. *Prosiding WacanaPendidikan Islam: Perkaedahan Pengajaran Pendidikan Islam: AntaraTradisi dan Inovasi*. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustaffa Halabi Azahari, 2011. *Photography: Its Significance Strands and Values in Education*. Shah Alam: University Press.
- Nor Rasimah Mohd. Rashid, 2007. *Pembangunan Laman Web Interaktif Asas Komunikasi Bahasa Jepun*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2000. *Bahasa Isyarat Malaysia*. Kuala Lumpur: Persekutuan Orang Pekak Malaysia.
- Rosnani Hashim. 2005. *Pembelajaran Bahasa Inggeris Berbantuan Web(WBAL): Pencapaian Pelajar Berdasarkan Lokasi Sekolah dan Tahap Pendidikan*. Konvensyen Teknologi Pendidikan Negeri Sembilan.
- Safani Bari, Manisah Ali, Noraini Mohd. & Aliza Alias. 2002. *Penggunaan Alat Bantuan Pendengaran di Kalangan Murid-murid Bermasalah Pendengaran*. Universiti Kebangsaan Malaysia